

# Petrus Boyd menang Pertandingan Rekaan Fesyen Tradisional Malaysia Kontemporari

PEREKA fesyen Petrus Boyd Pensin muncul juara dalam Pertandingan Rekaan Fesyen Tradisional Malaysia Kontemporari sempena Borneo Arts Festival (BAF) 2017 yang diadakan di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan.

Petrus yang berasal dari Inanam menampilkan rekaan fesyen pakaiannya yang berkonsepkan Borneo Olumis dari suku Dusun Tindal untuk membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penyertaan.

Naib johan pula diraih oleh Affendy @Didie yang mereka fesyen The Menoras dari Kelantan dan tempat ketiga dimenangi oleh pereka fesyen Bruno George Sadiwa dengan rekaan Sunduvan Do Nuhu (The Forgotten Maiden) dari suku kaum Murut.

Kedua-dua pemenang menerima RM2,000 dan



**PETRUS** (kanan) bergambar dengan hadiah yang dimenangnya bersama model yang memperagakan rekaan fesyen Borneo Olumis.

RM1,500, trofi dan sijil penyertaan.

Seramai 15 pereka fesyen menyertai pertandingan berkenaan.

Sementara itu, Andre John muncul johan dalam

pertandingan Doodle Art bagi kategori remaja. Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Winnie Lim Jing Ai dan Wahyuni Ismail.

Mereka memenangi wang

tunai RM1,000, RM700 dan RM500.

Dalam kategori terbuka, Murnie Liana Rahim muncul juara sekaligus menerima hadiah wang tunai RM1,500.



**MURNIE** Liana Rahim menerima hadiah daripada Rozman sambil diperhatikan Azhar Ahmad (kiri).

Tempat kedua dan ketiga dimenangi Jaini Abdul Ghani dan Josrie Haral dengan wang tunai RM1,000 dan RM800 setiap seorang.

Bagi pertandingan selfie,

Stefanus Nobidin muncul pemenang sekaligus menerima RM300.

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli menyampaikan hadiah kepada pemenang yang

turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Azhar Ahmad dan Pengarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Mahathir Abdul Hamid.